BH ONLINE

MSM guna van elektrik hantar Gula Prai di Lembah Klang

Oleh Mohd Zaky Zainuddin - September 22, 2023 @ 10:56am
zaky@bh.com.my

Pengarah Urusan Kumpulan, The Weststar Group, Tan Sri Dr Syed Azman Syed Ibrahim (tengah) menyerahkan replika kunci van EV The Weststar Maxus eDeliver 3 EV kepada Syed Feizal (dua dari kanan) disaksikan Pengerusi MSM, Datuk Syed Hisham Syed Wazir (dua dari kiri).

KUALA LUMPUR: MSM Malaysia Holdings Bhd (MSM) memperkenalkan van elektrik (EV) pertamanya untuk penghantaran akhir produk gula bertapis 'Gula Prai' di sekitar Lembah Klang, sebagai sebahagian daripada inisiatif berterusannya untuk penyahkarbonan dan meningkatkan operasi logistik yang mampan.

Menerusi cabang logistik dan anak syarikatnya, MSM Logistics Sdn Bhd, kumpulan itu menggunakan van The Weststar Maxus eDeliver 3 EV menawarkan jarak perjalanan sejauh 344 kilometer dengan setiap cas penuh (berdasarkan Prosedur Pengujian Kenderaan Ringan Terselaras Sedunia - WLTP).

Kenderaan elektrik itu juga dilengkapi dengan penyambung CCS2 yang membolehkan pengecasan DC lebih pantas sehingga 45 minit setiap cas penuh.

Dengan seluruh kenderaan berwarna hijau, jenama Gula Prai jelas kelihatan kepada orang ramai.

Ketua Pegawai Eksekutif MSM, Syed Feizal Syed Mohammad, berkata selari dengan Dasar Automotif Nasional (NAP) dan komitmen alam sekitar, sosial dan tadbir urus (ESG) kumpulan yang kukuh, MSM memahami manfaat EV dalam mengurangkan pelepasan karbon dioksida (CO2).

"Kami juga secara aktif mengambil langkah praktikal untuk menggabungkannya ke dalam operasi logistik kami dalam mewujudkan masa depan yang mampan untuk generasi akan datang," katanya.

Syed Feizal berkata, selain daripada van EV, tahun ini MSM Logistics telah membeli lapan trak (prime movers) untuk menggantikan trak yang semakin berusia.

"Untuk trak baharu ini, purata penggunaan bahan api adalah sekitar 2.3 kilometer per liter (km/l) hingga 2.6 km/l. Berbanding dengan trak lama, penggunaan bahan api purata antara 1.6 km/l hingga 1.9 km/l.

"Dengan beralih kepada kenderaan diesel Euro5, kami menyasarkan penggunaan bahan api yang lebih baik yang mengurangkan jejak karbon bagi setiap kilometer perjalanan," katanya.

Beliau menjelaskan, MSM Logistics akan menyokong komitmen ESG MSM dengan pelan pemerolehan aset selama 5-tahun untuk membeli dan menggantikan semua trak yang sudah berusia untuk menambah baik masa operasi trak, meningkatkan produktiviti dan tan yang dihantar sambil mengurangkan pelepasan CO2.

"Bagi mengukuhkan lagi operasinya, MSM Logistics baru-baru ini menerima pensijilan ISO 9001:2015 untuk sistem pengurusan kualitinya serta dalam proses mendapatkan pensijilan Halal untuk syarikat berkenaan.

"MSM Logistics berkembang kepada perkhidmatan pengangkutan, pergudangan, penghantaran barang dan perkhidmatan tambah nilai yang lain.

"MSM Logistics pada masa ini menguruskan 42 aset sendiri dengan kekuatan 42 pemandu yang disokong oleh logistik pihak ketiga (3PL), dan pakar dalam perkhidmatan trak antara negeri, jarak dekat dan jauh melalui pergerakan disewa dan berjadual yang menghantar gula dengan cekap kepada pelanggan MSM di seluruh Malaysia," katanya.

MSM ialah syarikat korporat ke-10 dan berasaskan makanan kedua di Malaysia yang komited terhadap Inisiatif Sasaran Berasaskan Sains (SBTi), usaha kerjasama yang membabitkan Kompak Global Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNGC) dan inisiatif Matlamat Sifar Bersih (Net-Zero Ambition).

***

HEADLINE	MSM guna van elektrik hantar Gula Prai di Lembah Klang
MEDIA	Berita Harian - Online
DATE	22 September 2023, 10:56am.
BY	Mohd Zaky Zainuddin
LINK	https://www.bharian.com.my/bisnes/korporat/2023/09/1155728/msm-guna-van-elektrik-hantar-gula-prai-di-lembah-klang